

# Daftar elak ciplak

Oleh Ibrahim Isa, Ahmad Rabiul Zulkifli dan Nurul Amanina Suhani  
 am@hmetro.com.my

## Kuala Terengganu

“Tidak dinafikan berlaku lambakan songket buatan mesin (dari luar negara) di pasaran yang secara tidak langsung memberi kesan kepada industri songket tempatan,” kata Pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) cawangan Terengganu, Abdul Manan Ismail.

Bagaimanapun, beliau yakin kualiti songket buatan mesin dari luar negara tidak setanding songket buatan tangan terutama songket asli Terengganu.

“Masih ramai pelanggan yang mementingkan kualiti berbanding harga murah dan songket buatan tangan ini ada peminat tersendiri,” katanya.

Dia turut menasihatkan 353 pengusaha songket di negeri ini mendapatkan Sijil Pematuhan Kualiti/Standard MS1747 bagi memastikan songket dikeluarkan diiktiraf dan dipasarkan secara meluas ke seluruh negeri.

“Sehingga kini, hanya lapan pengusaha dan pengeluar songket berdaftar di Terengganu memiliki sijil berkenaan, selain 15 pengusaha lagi dari negeri lain.

“Kesedaran mengenai kepentingan persijilan itu dalam kalangan pengusaha songket di negeri ini masih rendah, sekali gus menyebabkan mereka tidak berusaha mendapatkan pengiktirafan itu.

“Mereka perlu buat permohonan secepat mungkin

Hanya 23 pengusaha songket di seluruh negara ada sijil pengiktirafan produk

## Songket asli bakal berkubur

Lambakan jersi, t-shirt dan T-shirt yang dijual di pasaran telah memberi kesan kepada industri songket asli Terengganu. Menurut pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) cawangan Terengganu, Abdul Manan Ismail, lambakan produk ini memberi kesan kepada industri songket asli Terengganu. Beliau berkata, lambakan produk ini memberi kesan kepada industri songket asli Terengganu. Beliau berkata, lambakan produk ini memberi kesan kepada industri songket asli Terengganu.



Petangan kecewa terfipu RM1,500

Menyatakan kesedaran mengenai kepentingan persijilan dalam kalangan pengusaha songket masih rendah, sekali gus menyebabkan mereka tidak berusaha dapatkan pengiktirafan itu”



Kesedaran kepentingan persijilan dalam kalangan pengusaha songket masih rendah, sekali gus menyebabkan mereka tidak berusaha dapatkan pengiktirafan itu”

Abdul Manan Ismail

LAPORAN Harian Metro, semalam.

supaya produk songket dikeluarkan disahkan songket asli Terengganu, sekali gus memberi nilai tambah untuk melarikan produk di pasaran,” katanya.

Beliau berkata, sehingga kini, hanya 33 pengusaha songket yang memohon persijilan itu dan kami meneliti daripada segala aspek sebelum memberikan pengiktirafan untuk penyerahan sijil berkenaan.

“Pengusaha sijil berhak menggunakan logo persijilan jaminan kualiti dan logo songket asli Terengganu yang disediakan seterusnya dapat membezakan produk keluaran mereka dengan songket buatan mesin di pasaran,” katanya.

Katanya, pihaknya sentiasa menjalankan promosi dan program pencerahan mengenai kepentingan persijilan itu dengan harapan

semua pengusaha dan pengeluar songket memperoleh pengiktirafan persijilan itu.

“Saya harap semua pengusaha songket bekerjasama dalam memastikan songket asli Terengganu kekal menjadi pilihan pengguna bukan hanya untuk dijadikan kain sampin tetapi produk lain seperti tengkolok, beg songket dan sebagainya,” katanya.

## Saran turunkan harga, jaga kualiti

Kuala Lumpur: Perlu kawal kualiti dan rendahkan harga songket tempatan. Itu saranan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamad Bin Ketapi berhubung isu lambakan songket luar negara.

Beliau berkata, kementerian tiada hak menghalang kemasukan songket India yang dipasarkan di negara ini.

Walau bagaimanapun menurutnya, pengusaha songket tempatan perlu mengambil peranan mengawal kualiti serta harga ditetapkan.

“Saya pernah sarankan harga songket kita jangan terlalu tinggi, namun jangan pula

rendahkan kualitinya.

“Pembeli juga harus bijak membezakan kedua-duanya. Jika dikesan ia bukan songket tulen tempatan, jangan beli dan buat aduan (kepada pihak berkuasa).

“Cuma dari segi penjual yang menipu dengan melakukan pembungkusan semula songket India atas nama songket tempatan, ia di bawah penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

“Di pihak kementerian, kami hanya memberi galakan dan promosi bagi meningkatkan produk tempatan,” katanya.